



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	29/3/2012

Beberapa sektor berpotensi dikenal pasti bangunkan ekonomi Myanmar

# Malaysia tawar kepakaran

UM - 29/3/2012

**Rozaman  
Ismail**

Melaporkan dari  
NAYPYIDAW, MYANMAR



**NAYPYIDAW** 28 Mac - Malaysia hari ini bersetuju menawarkan kepakaran dan pengalaman dalam beberapa sektor bagi membantu Myanmar memajukan ekonomi negaranya.

Antara sektor berpotensi yang dikenal pasti ialah peladangan, pertanian, sumber tenaga, pembinaan, pekilangan, telekomunikasi, pelancongan serta hospitaliti.

Perkara itu dicapai semasa pertemuan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dengan Presiden Myanmar, U Thein Sein di Pejabat Presiden di sini, sempena lawatan rasmi dua hari Perdana Menteri ke Myanmar bermula hari ini.

Dalam pernyataan bersama yang dikeluarkan selepas pertemuan itu, kedua-dua pemimpin tersebut turut melahirkan rasa puas hati dengan kerjasama erat yang terjalin antara Malaysia dan Myanmar dalam bidang-bidang berkaitan sumber manusia dan tenaga kerja.

"Kedua-dua negara memperakui sumbangan tenaga kerja Myanmar dalam pembangunan ekonomi Malaysia," kata pernyataan itu.

Selain daripada itu juga, kedua-dua pemimpin turut memperakui kepentingan sektor pelancongan sebagai penyumbang kepada persahabatan dan persefahaman antara rakyat Malaysia dan Myanmar.



**NAJIB Tun Razak dan U Thein Sein menyertai mesyuarat delegasi sempena lawatan rasmi dua hari ke Myanmar di Pejabat Union's President di Naypyidaw, semalam. - BERNAMA**

Kedua-dua negara tersebut juga bersedia memperbaharui kerjasama dalam bidang pelancongan dengan sasaran meningkatkan lagi hubungan sesama rakyat sekali gus membantu pembangunan ekonomi Malaysia-Myanmar.

Pada pertemuan itu juga, Malaysia bersetuju membantu Myanmar mengenal pasti latihan-latihan yang menjadi keperluan segera negara itu di bawah Program Kerjasama Teknikal (MTCP).

Sejak diperkenalkan pada tahun 1983, lebih 1,000 pegawai Myanmar telah mendapat faedah daripada program tersebut. Malah, Myanmar merupakan negara kedua

di kalangan negara ASEAN yang paling ramai menyertai MTCP.

Mengenai persediaan Myanmar untuk mengambil alih jawatan Pengerusi ASEAN pada tahun 2014, Najib dan Thein Sein sama-sama berikrar untuk mempererat kerjasama demi memastikan proses itu berjalan lancar.

Selepas Myanmar, Malaysia pula akan diberi tanggungjawab sebagai Pengerusi pertubuhan serantau itu pada tahun 2015.

"Kedua-dua pemimpin berkenaan turut mengalu-alukan kerjasama dalam bidang latihan diplomat muda untuk meningkatkan kemahiran para pegawai terlibat

sebagai sebahagian persediaan untuk menjadi Pengerusi ASEAN," kata pernyataan itu.

Sebagai persediaan untuk menjadi tuan rumah Sukan SEA Ke-27 pada tahun hadapan pula, kedua-dua pihak akan meningkatkan kerjasama dalam bidang sukan menerusi amalan perkongsian pengalaman.

Sebelum itu, ketibaan Najib dan rombongan seramai kira-kira 160 orang diberi sambutan rasmi di Pejabat Presiden di sini.

Selain Perdana Menteri dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor serta Menteri Luar Datuk Seri Anifah Aman, beberapa menteri

lain turut serta.

Antaranya Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek, Menteri Sumber Manusia Datuk Dr. S. Subramaniam dan dua timbalan menteri iaitu Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Mukhriz Tun Dr. Mahathir dan Timbalan Menteri Pertanian dan Asas Tani, Chua Tee Yong.

Esok, Perdana Menteri akan mengadakan pertemuan dengan masyarakat Malaysia di negara ini serta beberapa ahli perniagaan terkemuka Myanmar.